



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

ARAHAN TETAP PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2009

**BILANGAN JAM MENGAJAR BAGI PENGAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan berhubung bilangan jam mengajar.

TAKRIF

Bagi maksud surat edaran ini:

“**IKBN**” bermaksud institut latihan kemahiran yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**Penolong Pengarah Kemahiran**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap semua kemahiran yang terdapat di IKBN yang biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Kemahiran, Penolong Pengarah Kemahiran atau Ketua Bahagian Kemahiran.

“**Penolong Pengarah Bina Insan**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap Bina Insan di IKBN dan biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Pengurusan atau Ketua Bina Insan.

LATAR BELAKANG

Pada masa ini, bilangan jam mengajar adalah tidak seragam di semua IKBN. Selain dari itu, pembahagian jam mengajar adalah tidak setaraf dengan gred pengajar. Pengajar gred rendah diberi terlalu banyak jam mengajar berbanding dengan pengajar yang berada pada gred lebih tinggi dan lebih berkelayakan serta berpengalaman untuk mengajar.

PERATURAN JAM MENGAJAR

Dengan ini Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan telah memutuskan bahawa bilangan jam mengajar dalam tempoh seminggu adalah seperti berikut:

1. Pengarah IKBN adalah diwajibkan untuk mengajar sekurang-kurangnya **SATU** jam dalam tempoh **seminggu**. Pengajaran hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui syarahan umum, ceramah agama, motivasi, isu semasa, disiplin atau bidang yang bersesuaian.
2. Bilangan jam mengajar seminggu bagi Penolong Pengarah Kemahiran / Pegawai Latihan Vokasional / Pegawai Latihan / Penolong Pegawai Latihan Vokasional / Penolong Pegawai Latihan / Pembantu Pegawai Latihan Vokasional / Pembantu Pegawai Latihan adalah seperti **Jadual 1**.

BIL	JAWATAN / GRED	BILANGAN MINIMUM JAM MENGAJAR SEMINGGU (JAM)
1	Penolong Pengarah Kemahiran	2
2	Ketua Sekolah	4
3	Ketua Jurusan	8
4	Pengajar Gred 41 /42	15
5	Pengajar Gred 38 / 36 / 32	17
6	Pengajar Gred 29 / 27 /26	15
7	Pengajar Gred 22 / 17	12

Jadual 1: Bilangan Minimum Jam Mengajar bagi Pengajar Kemahiran

3. Bilangan jam mengajar seminggu bagi Penolong Pengarah Bina Insan / Pegawai Belia dan Sukan / Penolong Pegawai Belia dan Sukan / Pembantu Pegawai Belia dan Sukan / Penolong Pegawai Kesatria / Pembantu Hal Ehwal Islam / Pembantu Kesatria adalah seperti **Jadual 2**.

BIL	JAWATAN / GRED	BILANGAN MINIMUM JAM MENGAJAR SEMINGGU (JAM)
1	Penolong Pengarah Bina Insan	2
2	Pengajar Gred 38	4
3	Pengajar Gred 32	4
4	Pengajar Gred 27	15
5	Pengajar Gred 22 /17	12

Jadual 1: Bilangan Minimum Jam Mengajar bagi Pengajar Bina Insan

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Dengan berkuat kuasanya Surat Arahan ini, semua **Pengarah dan Pengajar di IKBN diwajibkan mengajar** walaupun mereka memegang jawatan tertentu di IKBN dengan serta merta.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk **memantau pengajar di bawah penyeliaannya serta memastikan kesemua pengajar perlu mengajar mengikut bilangan jam minimum yang telah ditentukan**. Ketua Jabatan juga harus memastikan supaya pengajar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dapat menyampaikannya kepada pelajar dengan cara terbaik.

TARIKH KUAT KUASA

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Pengarah ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua IKBN.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(HAJI SAARI BIN SALLEH)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kemahiran

Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pembangunan Kemahiran
PUTRAJAYA

25 Mac 2009